

Pembetulan Ejaan

Muka Surat	Perenggan	Baris	Ejaan Salah	Ejaan Betul
xiv	2	11	dari	daripada
8	2	5	diantara	di antara
12	4	1	menyatupadukan	menyatupadukan
15	2	4	Ynang	Yang
21	1	1	keraguan	keraguannya
23	1	5	central	pusat
55	4	4	disegenap	di segenap
70	1	4	meninggal	meninggalkan
138	3	5	Jaranbg	Jarang
141	:	:	- -	
176	1	7	Min An Fusikum	Min anFusikum
181	3	2	dengung	di dengung
183	1	4	didgham-kan	di idghamkan
184	3	2	diwasalkan	di wasal
184	3	5	iz har	izhar
216	2	9	dengnan	dengan
239	5	2	baca	membaca

P
ABX 7380
INV.....

**STRUKTUR BUNYI BAHASA AL-QURAN DAN KADEAH
TILAWAHNYA MENGIKUT RIWAYAT HAFAS, QALUN,
WARASH DAN DURI**

MAKHTAR BIN HAJI MUSA

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN
PUSAT BAHASA**

PERPUSTAKAAN UM



A505357162

**UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1995**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



PENGHARGAAN

Al-Hamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T yang telah memberi taufik dan hidayatNya kepada penulis, sehingga dapat menyiapkan disertasi ini dalam masa yang ditetapkan.

Dalam kesempatan ini, penulis merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Dato' Dr.Asmah Hj.Omar Pengarah pusat Bahasa yang telah banyak memberi pertolongan kepada kami guru-guru bahasa Arab yang bertugas di Pusat Bahasa Arab Nilam Pur i bagi mengikuti kursus Sarjana Pengajian Moden anjuran Pusat Bahasa, Universiti Malaya.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada al-Fadil Ustaz Mohd . Zaki bin Abd Rahman , selaku penyelia dalam kajian ilmiah ini . Bantuan kepada penulis amat besar ertiinya sama ada berbentuk našihat , tunjuk 'ajar dan teguran yang diberikan. Semoga Allah S.W.T memberkati kehidupannya.

Ucapan terima kasih juga diutarakan kepada semua pensyarah yang mengajar dan mendidik serta mencurahkan ilmu yang tidak ternilai kepada penulis.

Tidak ketinggalan juga kepada semua pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur dan pegawai Perpustakaan Akademi Islam Nilam Puri yang telah memberi kerjasama meminjamkan buku-buku rujukan semasa menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan Pusat Bahasa yang banyak membantu memberikan maklumat dan rangsangan bagi menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat , baik secara langsung atau tidak langsung . Semoga sumbangan dan kerjasama yang diberikan akan mendapat ganjaran pahala dari Allah S.W.T Insya Allah.

Sekian.

Makhtar bin Haji Musa ,

Pusat Bahasa Arab,

Nilam Puri,

Kelantan.

Jun 1995.

ABSTRAK

Kajian Ilmiah mengenai ilmu qirā'at Al-Qurān merupakan amat penting dan perlu di ketahui oleh setiap pengkaji dalam bahasa Al-Qurān kerana kajian ini merupakan kesinambungan ilmu warisan rasulullah s.a.w yang mana betapa Agung mukjizat Al-Qurān .

Seterusnya dalam tajuk ini , penulis membahagikan kepada tiga bab , tiap-tiap bab dibahagikan empat fasal.

BAB PERTAMA : Penurunan Al-Qurān atas tujuh huruf.

Fasal I Penyaringan Hadis-hadis sohib yang menunjukkan kebenaran serta hikmatnya.

Fasal II Adakah huruf yang tujuh di dalam Mushaf sekarang.

Fasal III Proses perkembangan .

Fasal IV Ciri-ciri perbezaan dari qāri' tujuh .

BAB KEDUA : Kedudukan huruf dalam Al-Qurān .

Fasal I Bentuk-bentuk bacaan , bilangan ayat dalam Surah .

Fasal II Kewajipan membaca Al-Qurān dengan tajwid.

Fasal III Makhraj-makhraj huruf Al-Qurān , bunyi-bunyi huruf nya dan alat-alat pengucapannya.

Fasal IV Sifat-siaft huruf Al-Qurān , sama ada sifat-sifat dasar dan penyesuaian

BAB KETIGA: Wakaf Ibtidā' , Isti 'adhah , basmalah dan beberapa contoh dari surah pendek mengikut Qirāāt Tujuh .

Fasal I Jenis-jenis wakaf dan bentuknya , bacaan saktah dan Hamzah waṣal dan qata' .

Fasal II Jenis Ibtidā' dan bentuknya , tanda-tanda berhenti dan sambungan .

Fasal III Lafaz-lafaz Isti 'adhah dan hukum membaca Basmalah .

Fasal IV Contoh qirāāt tujuh dari surah Al Fātiḥah, Al Nās , Al Faṭāq dan Al Ḥiklās .

Akhirnya penulis berharap hasil kajian ini dapat memberi penjelasan dan membantu sesiapa yang berminat mengkaji dan menghayati ilmu qiraat Al-Qurān .

KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK.....	iii
TRANSLITERASI.....	x
MUQADDIMAH	xiii

BAB PERTAMA : AL-QIRĀ'AT AL-SAB'AH

FASAL PERTAMA:

PENURUNAN AL-QURAN DENGAN TUJUH HURUF.....	1
i - Pengenalan.....	1
ii - Beberapa dalil tentang penurunan Al-Qurān dengan tujuh huruf	2
iii - Hikmat penurunan Al-Qurān dengan tujuh huruf	11
iv - Erti penurunan Al-Qurān dengan tujuh huruf	13
v - Pentafsiran ulama' tentang kata huruf dalam hadith dan tarjihnya	15
vi - Hubungan qirā'at dengan dialek 'Arab.....	22

FASAL KEDUA:

ADAKAH HURUF YANG TUJUH WUJUD DALAM MUSHAF SEKARANG	40
i - Reaksi pendapat ulama'.....	40
ii - Sanggahan mazhab Al-Tabariyyah.....	42
iii - Jawapan sanggahan	42
iv - Beberapa masalah shubhah yang ditujukan kepada topik dan jawapannya.....	45
v - Kesimpulan	49

FASAL KETIGA: JENIS-JENIS QIRAAAT YANG TERKENAL..... 51

i - Definisi Al-Qiraat	51
ii - Adakah Ahli Qurra' pada zaman sahabat.....	53
iii - Proses munculnya Qiraat	56
iv - Jenis-jenis Qiraat dan bilangannya.....	58
v - Pelopor pertama dalam klasifikasi Qiraat.....	59
vi - Pengumpulan Qiraat dan jalan pengambilannya...	59
vii - Pengenalan ringkas tentang Imām Ahli Qiraat yang tujuh	59
viii - Nama Qari-qari dan Ahli Qiraat Al-Qurān.....	73

FASAL KEEMPAT:

KANDUNGAN KHUSUS POKOK QIRĀĀT DARI
BEBERAPA QĀRĪ.....

i - Ciri-ciri perbezaan dari Qari-qari yang tujuh	77
ii - Beberapa istilah dan kaedah	79
iii - Masalah Hamzah-hamzah yang wujud dalam Al-Qurān :-	
(a) Hamzah Mufradah.....	92
(b) Dua Hamzah dalam satu kalimat.....	99
(c) Tiga Hamzah dalam satu kalimat.....	101
(d) Dua Hamzah dalam dua kalimat.....	102

BAB KEDUA : KEDUDUKAN HURUF DALAM AL-QURĀN.

FASAL PERTAMA: BACAAN AL-QURĀN	105
i - Bentuk pembacaan dan perbezaan	105
ii - Bilangan ayat dan surah dalam Al-Qurān.....	107
iii - Kelebihan membaca Al-Qurān	109
iv - Tatacara membaca Al-Qurān	113
v - Tingkatan bacaan	114
vi - Kesimpulan	116
FASAL KEDUA: ILMU TAJWID	117
i - Ta'rif Tajwid	117
ii - Hukum mempelajarinya	119
iii - Kewajipan membaca Al-Qurān	121
iv - Belajar melalui guru	123

FASAL KETIGA : MAKHRAJ HURUF	125
i - Bunyi-bunyi huruf di dalam Al-Qurān	126
ii - Alat-alat pengucapan	134
iii - Dasar-dasar pengucapan	144
iv - Lingkungan dasar pengucapan	156
FASAL KEEMPAT: SIFAT HURUF	158
i - Sifat-sifat dasar	
(a) Sifat-sifat huruf yang berlawanan	158
(b) Sifat-sifat tunggal	159
ii - Sifat-sifat penyesuaian.	
(a) Izhār - Idghām	174
(b) Ikhfā' - Iqlāb	200
(c) Tafkhīm - Tarqīq	212
(d) Mad - Qasr	236

BAB KETIGA:WAQAF, IBTIDĀ', ISTI'ADHAH, BASMALAH DAN BACAAN CONTOH.

FASAL PERTAMA : WAQAF DI DALAM AL-QURĀN	255
i - Pengertian waqaf dan sharat-sharatnya.....	255
ii - Jenis-jenis waqaf	260
iii - Hamzah Wasal dan Hamzah Qata	285
iv - Hukum wakaf pada Kallāh, Ballāh dan Na'am.....	292

FASAL KEDUA: AL-IBTIDA'	297
i - Ta'rif Ibtida'.....	297
ii - Ibtida' Jaiz	298
iii - Ibtida' Qabih	299
iv - Alamat-alamat berhenti dan sambungan ayat	300
v - Sujud Tilawah	302
FASAL KETIGA: ISTI'ADHAH DAN BASMALAH.....	304
i - Tuntutan membaca Isti'adhal	304
ii - Hukum menyebut Isti'adhal	305
iii - Hukum membaca Basmalah.....	307
iv - Hukum pertalian bacaan	309
v - Bacaan Basmalah antara dua surah	310
FASAL KEEMPAT:	
BEBERAPA CONTOH DARI SURAH-SURAH PENDEK	
MENGIKUT QIRĀĀT	313
i - Surah Al Fatihah	313
ii - Surah Annas	315
iii - Surah Al Falaq	316
iv - Surah Al Ikhlas	317
v - Istilah bacaan Al-Qurān Rasm 'UTHMANIAH'...	319
PENUTUP.....	322
BIBLIOGRAF	326

TRANSLITERASI

Konsonan dalam huruf 'Arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf Rumi. Oleh itu pada konsonan tertentu, konsonan Arab boleh disesuaikan , tetapi beberapa konsonan yang lain pula terpaksa dibuat dalam beberapa tambahan . Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah :- (*)

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ا	a
س	s
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ه	h
ك	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z

(*) Pedoman Transliterasi Huruf 'Arab ke Huruf Rumi, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.

Huruf Arab

و

ش

ص

ض

ط

ظ

غ

ع

ف

ق

ك

ل

م

ن

و

ه

ى

ة

Huruf Rumi

س

ش

س

ض

ت

ز

س

غـ

فـ

قـ

كـ

لـ

مـ

نـ

وـ

هـ

يـ

تـ

Dalam sistem vokal 'Arab pula , terdapat vokal panjang dan vokal pendek. Ianya seperti berikut :-

Vokal Pendek

.....a

.....i

.....u

Vokal Panjang

!.....ā

ጀ.....ī

ጀ.....ū

SINGKATAN KATA

S.W.T - Subhanahu Wata ala.

S.A.W - Sallahu alaihi Wasallam.

R.A - Radiallahu anh .

H - Hijrah .

M - Masihi.

SMKA - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.

MUKADIMAH

اَنْهُ وَعَلَى اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّادِقِ وَالْمُحْسِنِ بِكُلِّ حَسْنَةٍ
وَلَا يُنَزِّلُ عَلَيْهِ اِثْمَانَهُ اِلَّا مَعَ اِنْتِصَارٍ
وَبِالْمُشْرِقِ وَالْمُغْرِبِ
وَالْمُهَاجِرِ وَالْمُهَاجِرَةِ فَلِيَعْلَمَ مَنْ شَاءَ فِي الْعَالَمِ

Penulis bersyukur kepada Allah S.W.T. Pencipta alam kerana dengan taufik dan Hidayatnya dapat disiapkan disertasi ini yang berjudul "Struktur bonyik Al-Qur'an dan kaedah tilawahnya mengikut riwayat Hafas, Qalun, Warash dan Duri". Penulis memohon kepada hadrat Ilahi semoga ia menjadikan tulisan ini sebagai amal salih yang dapat menebus dosa penulis pada hari yang tidak berguna lagi harta kekayaan dan anak pinak kecuali orang yang membawa bersamanya hati yang beriman dan amal salih.

Tulisan ini di samping menambahkan ilmu pengetahuan kepada penulis, adalah diharapkan semoga manfaatnya akan berterusan menjadi pedoman dan garis panduan kepada generasi masa kini dan akan datang yang membuat kajian dalam bidang ini demi untuk kemajuan bahasa Arab dan Al-Qur'an.

KEPENTINGAN TAJUK

Penulis amat berminat dan tertarik hati untuk mengetengahkan kajian ilmu Qira'at Al-Qur'an kerana ilmu ini ada hubungan dengan ilmu Lahjat Al-'Arab (Dialek-dialek 'Arab) . Tambahan pula penulis pernah diberi pendedahan dan kursus secara intensif oleh pihak Jabatan Pendidikan Islam , Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai ilmu Qira'at Al-Qur'an sebagai mewakili Kolej Islam Kelang dan diberi tanggungjawab sebagai guru Panitia Kelas Kemahiran Menghafaz dan Membaca Al-Qur'an .

Sebagai kesimpulan , antara sebab-sebab yang mendorong penulis memilih tajuk ini adalah seperti berikut :-

1. Untuk menambah perbendaharaan ilmu pengetahuan hasil dari kajian sekurang-kurangnya dapat membantu usaha sebagai saranan pengembangan tilawah Al-Qur'an.
2. Memberi pendedahan positif kepada para pembaca untuk menilai , membanding, memilih dan merenung betapa agungnya mukjizat Al-Quran.
3. Untuk membaharui tekad penulis sendiri terhadap topik yang dituliskan itu sebagai meneruskan kesinambungan ilmu warisan dari Rasulullah S.A.W yang kemudian diajar kepada para sahabat , para sahabat pula mengajar mereka yang selepasnya sekaligus memberi pengiktirafan dan pengakuan dalam bentuk disiplin qira'at Al-Qur'an yang sangat berwibawa.
4. Untuk menambah perkaedahan membaca Al - Qur'an secara bertajwid dan sistematik sesuai dengan perkembangan semasa.

5. Untuk menganalisa secara kritis bahawa ilmu yang ber sangkutan dengan Al-Qira'at adalah ilmu warisan turun temurun yang berasal dari pengucapan Rasulullah S.A.W itu sendiri, bukan dari ciptaan sahabat-sahabat dan sebagainya.
6. Untuk melaksanakan sebahagian tanggungjawab bagi orang yang mengetahui kepada orang yang ingin tahu dalam pembelajaran ilmu Tajwid dan Al-Qira'at di samping memantap kan penulisnya di dalam bidang tersebut dengan cara mengajar sambil belajar dan begitulah sebaliknya.

METODE KAJIAN

Dalam soal ini, penulis banyak bergantung kepada penyelidikannya melalui perpustakaan kerana khazanah ilmu tersebut masih banyak ditulis di dalam bahasa Arab oleh para ulamak yang muktabar dan masih dihayati secara praktikal oleh orang-orang Islam yang tinggal di bumi Arab sampai kini.

Penulis tidak menggunakan pelbagai metode bagi menyiap kan disertasi ini. Tetapi pada keseluruhannya menumpukan kepada kajian buku-buku Qira'at Al-Qur'an di perpustakaan atau meminjam dari rakan-rakan dan kadang-kadang membelinya sendiri.

Penulis berkesempatan menemuramah beberapa orang ahli dan pakar di dalam bidang tersebut dengan tujuan untuk memahamkan serta memantapkan lagi tentang ketepatan cara pertutuan serta pembacaan yang betul terutama sekali di dalam bab Tashil, Imālah, Raūm, Ishmām, Ikhtilās dan sebagainya.

Di akhir pengkajian ini , penulis telah melakukan soal selidik terhadap pelajar-pelajar Berasrama Penuh Aliran Agama dan Kebangsaan untuk diuji membaca Al-Qur'an serta mengesan kesilapan yang sering berlaku di dalam bacaannya.

BATAS-BATAS KAJIAN.

Di dalam kajian yang sederhana ini , penulis hanya membataskan kepada empat riwayat sahaja di dalam qira'at Al-Qur'an iaitu riwayat Hafas, Qal'un, Warash, dan Duri.

Berdasarkan sebab-sebab yang berikut :-

1. Bacaan mengikut riwayat Hafas merupakan bacaan yang paling popular sekali di dunia Islam termasuklah orang-orang Islam di Nusantara ini.
2. Bacaan mengikut riwayat Qal'un dan Warash merupakan bacaan yang popular bagi orang-orang Islam yang tinggal di kawasan Afrika Utara.
3. Bacaan mengikut riwayat Duri merupakan bacaan popular bagi orang-orang Islam di Yaman dan Sudan.
4. Adapun mengikut riwayat selain di atas tidak begitu popular dan hanya bagi orang yang tertentu sahaja yang ingin memperdengarkan bacaan berlagu Qira'at Tujuh seperti bacaan Al-Qur'an oleh al-Marhum Al-Sheikh Mustafa Isma'il dan al-Marhum Al-Sheikh Abdu Basit Abdul Samad yang sering didengar melalui kaca televisyen, radio dan kaset-kaset.

MASALAH KAJIAN

Dalam tempoh menyiapkan disertasi ini penulis menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan. Masalah pertama yang dialami oleh penulis ialah ruang masa yang tidak mencukupi dan kajian ini dibuat dalam keadaan tidak sepenuh masa. Penulis terpaksa membahagikan masanya yang sangat terhad, iaitu pada sebelah siangnya ditumpukan kepada tugas mengajar, manakala pada sebelah malam dan semasa cuti ditumpukan kepada kajian ini.

Masalah yang kedua ialah bahan rujukan yang ada di perpustakaan di universiti-universiti tempatan adalah tidak mencukupi terutamanya buku-buku yang berkaitan dengan kajian ilmu Qira'at Tujuh. Oleh itu penulis terpaksa berhubung dengan rakan-rakan sedang belajar di 'Arab Saudi dan Mesir supaya membeli untuk saya beberapa buku rujukan yang ada kaitan dengan kajian ini. Fenomena ini menunjukkan walaupun pengajian bahasa 'Arab telah lama bertapak di negara ini namun bahan-bahan rujukannya masih tidak mencukupi dan berkurangan.

Masalah yang ketiga ialah tempat bertugas antara penyelia dengan penulis adalah jauh. Ini menimbulkan masalah perhubungan untuk sesuatu perbincangan dengan penyelia.

Penulis bertugas di Pusat Bahasa 'Arab, Nilam Puri sementara penyelia berada di Pusat Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Masalah keempat ialah kesulitan penterjemahan istilah-
istilah dari bahasa 'Arab ke bahasa Melayu . Boleh dikatakan
semua buku-buku rujukan yang digunakan oleh penulis adalah
dalam bahasa 'Arab.

Apa yang benar dalam tulisan ini ia adalah petunjuk dan
taufiq daripada Allah 'Azza Wa Jalla , dan apa yang silap ia
adalah kesilapan yang lahir dari kelemahan saya sendiri.
Justeru itu saya berterima kasih kepada mana-mana pihak yang
membuat teguran membina terhadap disertasi ini jika terdapat
sebarang kesilapan dan kekurangan.

Akhir sekali saya berharap usaha yang tidak seberapa ini
akan diberikan Allah ganjarannya, dan mudah-mudahan juga kita
sekalian termasuk ke dalam golongan orang yang menfaatkan
ilmunya.